



Ruj kami. UM.R/SM/425/3

26 Mei 2016

Naib Canselor
Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Pendaftar
Bendahari
Ketua Pustakawan
Pengarah Akademi/Pusat
Dekan Fakulti/Institut
Ketua-Ketua Jabatan/Unit
Pengetua Kolej Kediaman

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN KPI LATIHAN EMPAT (4) HARI BAGI STAF BUKAN AKADEMIK

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Saya ingin menarik perhatian tuan/puan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam surat edaran bertarikh 29 Februari 2016 telah memaklumkan berhubung penangguhan pelaksanaan dasar latihan tujuh (7) hari setahun bagi kakitangan awam. Penangguhan dasar latihan ini adalah selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam dan mengoptimum perbelanjaan agensi kerajaan.

3. Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurusan pada 16 Mac 2016, telah bersetuju supaya KPI latihan bagi staf bukan akademik dikurangkan kepada **empat (4) hari** sahaja mulai tahun 2016. Dalam melaksanakan keputusan ini, Seksyen Latihan dan Pembangunan Staf (STanD), Bahagian Sumber Manusia dikehendaki mengurus tiga (3) hari latihan, manakala satu (1) hari lagi perlu diurus oleh pihak PTJ.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang Benar,

(MAHAMAD APANDI KHALIB)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

26/5

Timbalan Pengarah
Akademi Pengajian Islam UM
Nilam Puri
16010 Kota Bharu,
Kelantan

Presiden Kesatuan Kakitangan Am UM (KKAUM)

8.5 Cadangan Untuk Mengurangkan KPI latihan Bagi Staf Bukan Akademik Universiti Malaya Tahun 2016 (Kertas MP49/2015 dilampirkan)

- (1) Jawatankuasa Pengurusan mengambil maklum pembentangan Pendaftar mengenai Cadangan Untuk Mengurangkan KPI Latihan Bagi Staf Bukan Akademik Universiti Malaya Tahun 2016.
- (2) Jawatankuasa mengambil perhatian bahawa :
 - (a) cadangan ini dikemukakan berdasarkan surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 29.2.2016 mengenai penangguhan pelaksanaan dasar kursus 7 hari setahun bagi kakitangan perkhidmatan awam.
 - (b) Ia adalah selaras dengan langkah merasionalisasikan Perkhidmatan Awam dan mengoptimum perbelanjaan agensi kerajaan.
 - (c) Peruntukan latihan UM pada tahun 2016 hanya RM700,000 sahaja iaitu berkurangan sebanyak 70% berbanding dari tahun sebelumnya.
- (3) Selepas perbincangan, Jawatankuasa **BERSETUJU**:
 - (a) Menangguhkan pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 6 Tahun 2005 – Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam;
 - (b) Meluluskan KPI latihan staf bukan akademik daripada tujuh (7) hari kepada empat (4) hari sahaja;
 - (c) STanD mengurus tiga (3) hari latihan untuk staf bukan akademik UM manakala satu (1) hari lagi diuruskan di peringkat PTj masing-masing; dan
 - (d) Dasar ini akan berkuatkuasa mulai 2016 sehingga dasar latihan peringkat nasional diperkenalkan semula.

**Tindakan: Pendaftar
Timbalan Pendaftar Kanan (BSM)**